

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
IBU PEJABAT LAUT, PULAU PINANG

DISEDIAKAN OLEH :

RAZIMA BT KAMARULZAMAN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

N: 2294

1100039922 KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

LI 48 FPE 2 2005



1100039922

Laporan akhir latihan industri di Ibu Pejabat Laut, Pulau Pinang, Nazima Kamarulzaman.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039922

Lihat Sebalah



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI IBU PEJABAT LAUT
PULAU PINANG**

DISEDIAKAN OLEH:
NAZIMA BT KAMARULZAMAN
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA:

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

1100039922

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya **NAZIMA BINTI KAMARULZAMAN**, mengakui bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama: Nazima bt Kamarulzaman

TARIKH: 22 OKTOBER 2005

Disahkan Oleh:



Encik Mohd. Rizal Bin Ismail

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kehadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya maka dapatlah pelatih menjalani latihan industri ini dan menyiapkan laporannya. Tanpa izin dari Nya, belum tentu pelatih dapat menjalani latihan industri dan menyiapkan laporan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih pelatih ucapkan kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana bersusah payah mencari tempat bagi pelatih menjalankan latihan industri kerana komitmen dan kesungguhan pihak KUSTEM terutamanya pihak FPE maka dapatlah pelatih berada di Jabatan Laut Pulau Pinang selama lebih kurang 12 bulan.

Pelatih ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ucapan terima kasih kepada Encik Mohd Rizal bin Ismail, penyelia latihan industri KUSTEM, di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan sebelum dan sepanjang tempoh pelatih menjalani latihan industri. Ucapan terima kasih juga diucapkan di atas kesudian beliau memberikan tunjuk ajar dan garis panduan kepada pelatih dalam menyiapkan laporan ini. Kerjasama beliau amatlah dihargai.

Seterusnya ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga pelatih ucapkan kepada Pengarah Jabatan Laut Pulau Pinang di atas kesudian pihaknya mengambil pelatih untuk menjalani latihan industri di sana. Terutama kepada Penolong Pegawai Laut Bahagian Hal Ehwal Pelabuhan iaitu Encik Roslan bin Ismail sebagai penyelia industri, dan kakitangan yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada pelatih sepanjang tempoh pelatih menjalani latihan industri disana. Terima kasih juga Pelatih ucapkan kepada semua Kakitangan Jabatan Laut Pulau Pinang kerana memberi peluang kepada pelatih untuk menyelami bidang pekerjaan yang sebenar.

Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada ahli-ahli jawatankuasa latihan industri kerana telah bertungkus lumus bekerja bagi melancarkan lagi proses latihan indistri ini. Kesungguhan dan kesabaran mereka melayani karenah-karenah para pelajar amatlah dihargai.

Berbanyak-banyak terima kasih juga pelatih ucapkan kepada kedua ibu bapa dan ahli keluarga yang banyak membantu dan memberi sokongan dan dorongan kepada pelatih dari segi bantuan kewangan dan tempat tinggal. Sokongan dan dorongan mereka telah banyak membantu pelatih semasa menjalani latihan industri. Terima kasih juga pelatih ucapkan kepada teman-teman yang banyak memberi sokongan. Dengan sokongan yang diberikan maka dapatlah pelatih menyiapkan laporan ini.

Akhir sekali, terima kasih pelatih ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan laporan akhir ini, sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh anda semua maka dapatlah pelatih siapkan laporan akhir latihan industri ini dengan baik dan jayanya.

ISI KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	ix
RINGKASAN EKSEKUTIF	xi

BAB SATU: LATAR BELAKANG ORGANISASI

Pengenalan	1
Sejarah Penubuhan Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	2
Latar Belakang Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	3
Dasar Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	4
Latar Belakang Ibu Pejabat Laut Pelabuhan Pulau Pinang	5
Maklumat Organisasi	7
Objektif Jabatan Laut	10
Objektif Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan	10
Visi Jabatan Laut	11
Misi Jabatan Laut	11
Kekuatan organisasi	11
Pihak Pengurusan dan Kakitangan	12
Prinsip Organisasi	13
Dasar Kualiti	13

Objektif Kualiti	13
Persijilan Pelaut	14
Sistem Pemaliman	14
Aktiviti Organisasi	15
Fungsi Utama Ibu Pejabat Laut Pelabuhan Pulau Pinang	17
Cawangan Jabatan Laut	17
Jabatan Laut Wilayah Utara (Pulau Pinang, Kedah, Perlis, dan Perak)	18
Jabatan Laut Wilayah Tengah (Selangor, Melaka, dan Negeri Sembilan)	18
Jabatan Laut Wilayah Selatan (Seluruh Negeri Johor)	19
Jabatan Laut Wilayah Timur (Terengganu, Kelantan, dan Pahang)	19
Jabatan Laut Wilayah Labuan dan Laut China Selatan	20
Bahagian dan Tanggungjawab Ibu Pejabat Laut Pulau Pinang	20
Bahagian Dasar dan Perkhidmatan Korporat	21
Bahagian Kawalan Industri	22
Bahagian Keselamatan Pelayaran	24
Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan	25
Perkara dan Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	26

BAB DUA: PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH

Pengenalan	28
Sistem Perjanjian Anak Kapal	29
Proses Kerja Pembukaan dan Penutupan Perjanjian Anak Kapal	30
Masalah Sistem Perjanjian Anak Kapal	32
Cara Mengatasi Masalah Sistem Perjanjian Anak Kapal	33
Sistem Kad Pelaut	34
Proses Kerja Permohonan Kad Pelaut	35
Masalah Sistem Kad Pelaut	36
Cara Mengatasi Masalah Sistem Kad Pelaut	37
Sistem Buku Pelaut	38
Proses Kerja Buku Pelaut	39
Masalah Mekanisma Pembayaran Di Jabatan Laut	40
Cara Mengatasi Masalah Mekanisma Pembayaran Di Jabatan Laut	41
Laut	
Rumusan Analisis dan Perbincangan	41
Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	44
BAB TIGA: PENUTUP	
Rumusan dan Cadangan Keseluruhan	47
Cadangan Latihan Industri	48
Kesimpulan	50
Senarai Rujukan	51

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 1: Logo Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	5
Rajah 2: Carta Organisasi Ibu Pejabat Laut Pelabuhan Pulau Pinang	9
Rajah 3: Carta Aliran Proses Pembukaan dan Penutupan Perjanjian Anak Kapal	29
Rajah 4: Carta Aliran Proses Permohonan Kad Pelaut	34
Rajah 5: Carta Aliran Proses Permohonan Buku Pelaut	38

LAMPIRAN

Lampiran 1: Sijil-sijil Kapal

Lampiran 2 : Borang MSS1.

Lampiran 3: Borang MSS2.

**Lampiran 4: Carta Aliran Mengurus Sing on/off Anak Kapal Serta Membaharui
Artikal Kapal**

Lampiran 5 : Carta Aliran Proses Pemeriksaan Buku Log Rasmi

Lampiran 6: Carta Jabatan Laut Semenanjung Malaysia

Lampiran 7: Bahagian-bahagian Di Jabatan Laut

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri (LI) merupakan suatu komponen subjek yang sangat penting dalam program pengajian di FPE. Melalui latihan industri, pelatih dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi tentang teori dan pengajaran yang dipelajari disamping mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan. Selain itu, melalui latihan industri ini, pelatih turut didedahkan dengan alam pekerjaan dimana pelatih akan memperolehi pengalaman dan kemahiran asas professional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing. Jabatan Laut Pulau Pinang adalah sebuah organisasi dimana pelatih telah berpeluang menjalani latihan industri. Jabatan ini merupakan sebuah jabatan laut yang ditubuhkan pada tahun 1953 di bawah Merchant Shipping Ordinance 1952. Sepanjang berada di Jabatan Laut Pulau Pinang, pelatih telah ditempatkan di bahagian hal ehwal pelaut dan pelabuhan. Di bahagian ini, pelatih telah berpeluang untuk mempelajari sistem perjanjian anak kapal dimana sistem ini penting bagi memastikan anak-anak kapal yang bekerja di atas kapal mempunyai dokumen perjanjian sebelum bekerja di atas kapal. Selain itu, pelatih turut berpeluang mempelajari sistem kad pelaut dan sistem buku pelaut yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi dalam Bab 2. Sepanjang 12 minggu tempoh menjalani latihan industri, pelatih telah dapat mengenal pasti beberapa masalah iaitu di bahagian perjanjian anak kapal dimana berkaitan dengan pengisian borang perjanjian anak kapal, borang buku log rasmi, dan borang ordinan. Seterusnya bahagian kad pelaut dimana berkaitan dengan pengesahan kad pelaut. Bahagian buku pelaut pula berkaitan dengan pengurusan untuk menyiapkan buku pelaut. Semasa pelatih menjalankan latihan industri di Ibu Pejabat Laut Pulau Pinang, pelatih telah menemui beberapa punca yang menyebabkan masalah ini berlaku. Menerusi laporan ini, pelatih turut memberikan beberapa cadangan penyelesaian bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Secara keseluruhannya, pelatih berharap hasil daripada penemuan yang dijalankan oleh pelatih terhadap sistem kerja di Jabatan Laut dan cadangan yang diberikan akan dapat membantu pihak pengurusan menyelesaikan masalah yang timbul dan menjalani sistem kerja yang lebih efektif.